

16 FEB 2001

Mahathir-Multimedia

PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT TERUS DIUTAMAKAN

CYBERJAYA, 16 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan terus menunjukkan minatnya kepada bidang multimedia kerana pembangunan dalam lapangan itu telah dikenal pasti sebagai satu keutamaan tertinggi.

"Malaysia bernasib baik kerana kita memasuki bidang ini awal-awal lagi dengan penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC)," katanya.

Dr Mahathir berkata komuniti perniagaan bukan sahaja telah menunjukkan minat kepada MSC tetapi juga telah melabur daripada segi masa dan kewangan untuk menjayakan projek koridor itu.

"MSC kini tidak sahaja menyaksikan pembinaan kemudahan bagi syarikat tempatan tetapi juga firma asing dan ini membuktikan minat mereka yang tinggi kepada projek itu," katanya pada pelancaran logo baru AIC Corporation Berhad di Universiti Multimedia (MMU) di sini hari ini.

Perdana Menteri juga secara virtual melancarkan loji semikonduktor kedua AIC di Kulim dan menyaksikan pematraian beberapa memorandum persefahaman (MoU) dengan pihak-pihak lain, termasuk dengan MMU.

Dr Mahathir juga menyeru supaya diwujudkan hubungan kerja yang lebih erat antara MMU dan pihak industri.

"Pihak industri kini memerlukan lebih banyak pekerja mahir dan MMU boleh memenuhi keperluan itu dengan membekalkan tenaga manusia kepada syarikat berkenaan," katanya.

Katanya MMU hendaklah menyesuaikan dirinya untuk memenuhi keperluan itu dengan melahirkan lebih banyak pekerja berkualiti kerana ini bukan sahaja akan meningkatkan kedudukan industri tetapi juga negara.

"Kita harap syarikat-syarikat ini hanya akan berminat untuk mengambil para pelajar dari universiti ini, dan tidak tenaga pengajarnya dengan menawarkan gaji yang lumayan," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau rasa gembira melihat lebih banyak syarikat tempatan menyertai bidang teknologi maklumat (IT) kerana ini akan mempercepat proses menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat IT antarabangsa.

Beliau berharap dengan adanya MMU dan syarikat-syarikat yang bertempat di Cyberjaya, impian negara untuk menjadi pusat IT yang terkemuka akan tercapai.

Mengenai AIC, beliau gembira melihat kemajuan syarikat itu yang pada mulanya merupakan pembuat peralatan tulen untuk Proton, tetapi kini telah menjadi sebuah syarikat multimedia utama di negara ini.

-- BERNAMA

SR YAI AZZ JK NMO